

**RANG UNDANG-UNDANG KANUN KESEKSAAN
(PINDAAN) 2004
RANG UNDANG-UNDANG KANUN TATACARA JENAYAH
(PINDAAN) 2004**

Pendahuluan

1. Dewan Rakyat dalam Mesyuarat Kedua, Penggal Pertama Parlimen Kesebelas pada 20 Julai 2004 telah membuat ketetapan bahawa Rang Undang-Undang Kanun Keseksaan (Pindaan) 2004 dan Rang Undang-Undang Kanun Tatacara Jenayah (Pindaan) 2004 diserahkan kepada Jawatankuasa Pilihan Khas. Jawatankuasa Pilihan itu hendaklah mengkaji kedua-dua Rang Undang-Undang itu pada keseluruhannya dan memberi pandangan serta membuat syor keatas peruntukan yang terkandung didalamnya.

Rang Undang-Undang Kanun Keseksaan (Pindaan) 2004

2. Rang Undang-Undang Kanun Keseksaan (Pindaan) 2004 memasukkan suatu kesalahan seksual ke dalam Kanun itu. Kesalahan itu ialah kesalahan membuat hubungan seks dengan memasukkan sesuatu objek ke dalam faraj atau dubur seseorang. Kesalahan ini terkandung dalam seksyen baru 377CA yang dicadangkan dalam Rang Undang-Undang Kanun Keseksaan

(Pindaan) 2004. Hukuman yang dicadangkan bagi kesalahan itu ialah pemenjaraan yang boleh sampai dua puluh tahun dan hukuman sebat.

Rang Undang-Undang Kanun Tatacara Jenayah (Pindaan) 2004

Pindaan Yang Melibatkan Jenayah Seksual

3. Kesalahan seksual perlu diberi pertimbangan yang berat. Usaha untuk membendung jenayah ini perlu dilakukan oleh semua lapisan masyarakat. Sehubungan dengan itu, untuk menggambarkan keseriusan tindakan Kerajaan untuk membanteras jenayah ini, setiap orang yang sedar tentang berlakunya atau akan berlakunya sesuatu jenayah seksual yang serius dikehendaki supaya memberikan maklumat mengenai hal itu kepada pegawai polis atau balai polis yang berhampiran. *Fasal 4* Rang Undang-Undang Kanun Tatacara Jenayah (Pindaan) 2004 mencadangkan agar seksyen 13 Kanun Tatacara Jenayah dipinda untuk memasukkan tiga lagi kesalahan dalam Kanun Keseksaan ke dalam senarai kesalahan-kesalahan yang berkenaan dengannya maklumat mesti diberikan. Kesalahan-kesalahan tersebut ialah kesalahan rogol di bawah seksyen 376, kesalahan melakukan hubungan seks luar tabii di bawah seksyen 377C dan kesalahan menyebabkan kanak-kanak melakukan perbuatan sumbang yang menjijikan di bawah seksyen 377E.

4. Apabila semua pesalah lelaki yang berumur lima puluh tahun ke atas didapati bersalah oleh mahkamah, pesalah itu tidak boleh

dikenakan hukuman sebat mengikut perenggan 289(c) Kanun Tatacara Jenayah kerana menurut perenggan itu lelaki yang berusia lima puluh tahun ke atas tidak boleh dihukum sebat. Bagi menangani kekurangan ini, pindaan dicadangkan kepada perenggan 289(c) Kanun Tatacara Jenayah untuk membolehkan pesalah lelaki yang berumur lima puluh tahun ke atas dihukum sebat, jika dia disabitkan di bawah seksyen 376, 377C atau 377E Kanun Keseksaan.

5. Jika hukuman sebat tidak dapat dijalankan atas sebab perubatan, maka menurut seksyen 291 Kanun Tatacara Jenayah, Mahkamah boleh menjatuhkan hukuman pemenjaraan sebagai ganti hukuman sebat itu. Tempoh itu tidak boleh melebihi dua belas bulan. *Fasal 15* Rang Undang-Undang Kanun Tatacara Jenayah (Pindaan) 2004 mencadangkan supaya tempoh itu dinaikkan menjadi 24 bulan.

6. Bekas pesalah jenayah seksual patut diletakkan di bawah pengawasan polis. Oleh itu seksyen 295 Kanun Tatacara Jenayah dicadangkan dipinda untuk menghendaki Mahkamah supaya mengarahkan pesalah yang dihukum di bawah seksyen 376, 377C atau 377E Kanun Keseksaan menjalani pengawasan polis selepas tempoh hukuman tamat.

7. *Fasal 13* Rang Undang-Undang Kanun Tatacara Jenayah (Pindaan) 2004 juga mencadangkan supaya seksyen baru 272B dimasukkan untuk membolehkan seseorang saksi, dengan kebenaran mahkamah, memberikan keterangan melalui rakaman video, atau secara langsung melalui siaran video atau televisyen,

dalam mana-mana perbicaraan jika pemberian keterangan dengan cara itu suai manfaat demi kepentingan keadilan.

Pindaan Yang Melibatkan Pembanterasannya Keganasan

8. Bagi membolehkan Malaysia melaksanakan peruntukan baru dalam pindaan Kanun Keseksaan yang telah diluluskan oleh Parlimen, Kanun Tatacara Jenayah juga perlu dipinda untuk memberikan kuasa-kuasa khas kepada Pendakwa Raya dan polis berhubung dengan kesalahan keganasan.

9. Bagi maksud itu, *fasal* 5 Rang Undang-Undang Kanun Tatacara Jenayah (Pindaan) 2004 ini mencadangkan supaya dimasukkan Bab baru XIIA ke dalam Bahagian IV Kanun itu. Bab baru itu mengandungi seksyen baru 106A hingga 106C. Seksyen baru 106A mentakrifkan ungkapan tertentu yang digunakan dalam Bab XIIA. Seksyen baru 106B pula memperuntukkan kuasa polis untuk menangkap tanpa waran seseorang yang disyaki secara munasabah telah atau sedang melakukan kesalahan keganasan. Dalam seksyen baru 106C, Pendakwa Raya diberi kuasa untuk memintas komunikasi tertentu yang dipercayai mengandungi maklumat mengenai pelakuan kesalahan keganasan. Maklumat tersebut hendaklah diterima sebagai keterangan dalam perbicaraan ke atas suatu kesalahan keganasan. Subseksyen 127A(1) Kanun Tatacara Jenayah dipinda untuk meluaskan pemakaian seksyen tersebut kepada kesalahan luar wilayah di bawah Bab baru VIA Kanun Keseksaan.

Pindaan Yang Melibatkan Laporan Atas Siasatan

10. Kerajaan mengambil berat hak orang ramai yang membuat laporan polis tentang kesalahan boleh tangkap untuk mengetahui kedudukan siasatan tentang laporan tersebut dalam tempoh masa yang berpatutan. Beberapa pindaan kepada Kanun Tatacara Jenayah dicadangkan melalui Rang Undang-Undang Kanun Tatacara Jenayah (Pindaan) 2004 ini bagi tujuan itu.

11. Suatu seksyen baru 107A dicadangkan diwujudkan yang menghendaki pegawai yang menjaga balai polis di mana sesuatu maklumat telah diberikan di bawah seksyen 107 Kanun Tatacara Jenayah memberikan laporan kedudukan siasatan yang dijalankan. Walau bagaimanapun, laporan hanya boleh diberikan sekiranya laporan polis tersebut adalah berkaitan dengan kesalahan boleh tangkap, tempoh empat minggu telah luput dari tarikh laporan dibuat dan pemberian laporan itu tidak akan menjejaskan penyiasatan atau pendakwaan kesalahan itu.

12. Seksyen baru 107A ini juga membenarkan pemberi maklumat membuat laporan kepada Pendakwa Raya sekiranya laporan kedudukan siasatan itu gagal dibekalkan kepadanya.

13. Pendakwa Raya diberi kuasa untuk mengarahkan Pegawai yang menjaga Daerah Polis supaya mengemukakan kepadanya laporan kedudukan terperinci penyiasatan yang telah dijalankan berkaitan dengan laporan polis oleh pemberi maklumat itu.

Pendakwa Raya juga diberi kuasa untuk mengarahkan Pegawai yang menjaga Daerah Polis untuk memberikan laporan kedudukan itu kepada pemberi maklumat. Kegagalan seseorang pegawai polis mematuhi arahan Pendakwa Raya merupakan suatu kesalahan.

14. Seksyen 110 Kanun Tatacara Jenayah juga dicadangkan dipinda untuk memastikan bahawa pegawai polis mengemukakan laporan tentang maklumat yang diterimanya mengenai sesuatu pelakuan kesalahan boleh tangkap kepada Pendakwa Raya.

15. Seksyen 120 Kanun Tatacara Jenayah pula dicadangkan dipinda untuk membolehkan Pendakwa Raya memantau kemajuan dan hala tuju siasatan bagi memastikan bahawa kes yang disiasat itu akan dapat didakwa dengan jayanya. Dengan pindaan yang dicadangkan ini, pegawai polis yang membuat siasatan diwajibkan mengemukakan laporan penyiasatannya bersama dengan kertas siasatan kepada Pendakwa Raya dalam tempoh satu minggu selepas tamat tempoh tiga bulan dari tarikh maklumat diberikan di bawah seksyen 107 Kanun Tatacara Jenayah. Pendakwa Raya diberi kuasa untuk meminta laporan tentang penyiasatan itu pada bila-bila masa.

Pindaan Yang Melibatkan Pembaikan Kanun Tatacara Jenayah

16. Pindaan takrif “pesalah muda” di bawah subseksyen 2(1) Kanun Tatacara Jenayah dibuat untuk membezakan pesalah muda daripada kanak-kanak seperti yang telah ditakrifkan di bawah Akta

Kanak-Kanak 2001, kerana kesalahan oleh kanak-kanak akan ditangani di bawah Akta itu. Oleh sebab kanak-kanak ditakrifkan sebagai orang berumur di bawah lapan belas tahun, maka “pesalah muda” ditakrifkan semula supaya meliputi golongan orang yang berusia antara lapan belas hingga dua puluh satu tahun.

17. Sehubungan dengan pindaan itu, *fasal 16* Rang Undang-Undang ini pula mencadangkan pindaan kepada perenggan 293(1)(d) Kanun Tatacara Jenayah untuk menggantikan sebutan mengenai Akta Mahkamah Juvana 1947 yang telah dimansuhkan dengan sebutan mengenai Akta Kanak-Kanak 2001.

18. Selaras dengan itu juga maka seksyen 294 Kanun Tatacara Jenayah dicadangkan diperluas pemakaiannya kepada semua pesalah pertama tidak kira sama ada dia telah disabitkan atas suatu kesalahan yang boleh dihukum dengan pemenjaraan atau dengan denda sahaja dan sama ada dia seorang pesalah muda atau dewasa.

19. Pindaan juga dicadangkan kepada subseksyen 10(1) Kanun Tatacara Jenayah untuk menghapuskan had tujuh batu dalam peruntukan yang menyatakan bahawa seseorang yang telah melakukan kesalahan di sesuatu tempat di mana-mana Negeri yang berdekatan dengan sempadan mana-mana Negeri yang lain tidak semestinya akan dibicarakan di Negeri yang disebut terdahulu itu. Pindaan ini dinyatakan dalam *fasal 3* Rang Undang-Undang Kanun Tatacara Jenayah (Pindaan) 2004 ini.

20. Dalam *fasal 8* Rang Undang-Undang ini, subseksyen 111(1) dicadangkan untuk dipinda bagi membenarkan seorang pegawai polis untuk memerintahkan mana-mana orang yang mengetahui hal keadaan sesuatu kes di bawah penyiasatannya hadir di hadapannya tidak kira sama ada orang itu berada di dalam atau di luar had daerah polis yang dalamnya siasatan itu dibuat.

21. *Fasal 11* Rang Undang-Undang ini pula mencadangkan pindaan kepada seksyen 173 Kanun Tatacara Jenayah untuk memperuntukkan secara khusus tentang kewajipan Mahkamah untuk menerangkan tiga pilihan pembelaan kepada orang tertuduh selepas dipanggil membela diri dalam suatu perbicaraan jenayah.

22. Selain itu, tempoh masa untuk memfailkan notis rayuan dan petisyen rayuan terhadap keputusan yang dibuat oleh Mahkamah Rendah di bawah seksyen 307 Kanun Tatacara Jenayah dicadangkan dinaikkan daripada sepuluh hari kepada empat belas hari untuk memberi masa yang cukup bagi rayuan sedemikian dibuat.